

7

Jabatan Bendahari.

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld. VI

PEKELILING BENDAHARI BIL. 7/96

Tarikh : 18 Julai 1996

Semua Dekan Fakulti  
Semua Pengarah Institut/Pusat  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**Pengwujudan KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN Bagi  
Menguruskan Jamuan Untuk Mesyuarat Fakulti/Jabatan**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kantin-kantin yang terdapat di Universiti mendapati sukar untuk menghantar jamuan mesyuarat yang kecil-kecil di tiap-tiap Jabatan. Lebih-lebih lagi bila kedudukan pejabat yang jauh dari kantin. Masalah yang mereka hadapi ialah keperluan pekerja yang ramai untuk membolehkan mereka menghantar jamuan ke beberapa tempat yang berjauhan dalam satu hari.

2. Untuk membantu kantin mengatasi masalah ini dan juga untuk membolehkan Jabatan-jabatan mendapat bekalan minuman yang cepat dan memuaskan Bendahari mencadangkan supaya tiap Fakulti/Jabatan mengadakan KELAB KEBAJIKAN masing-masing. Bila KELAB KEBAJIKAN telah wujud Fakulti/Jabatan boleh membuat pesanan kepada KELAB KEBAJIKAN masing-masing untuk mesyuarat yang diadakan oleh Fakulti/Jabatan bagi kakitangan sendiri.

3. Bila membuat pesanan kepada KELAB KEBAJIKAN, Jabatan diminta mengisi borang pesanan jamuan seperti contoh di lampirkan. Kadar harga yang dibenarkan untuk jamuan ringan mesyuarat rasmi seperti berikut :-

<u>Jamuan Ringan Pagi</u>	<u>Harga Maksima Yang Dibenarkan</u>
1) 1 jenis air dengan 2 keping kueh Melayu	RM 1.50 seorang
2) 1 jenis air dengan mee/nasi lemak	RM 2.00 seorang
<u>Jamuan Ringan Petang</u>	
1) 1 jenis air dengan 2 keping kueh	RM 1.50 seorang

Sehubungan dengan itu maka Pekeliling Bendahari Bil. 6/93 dibatalkan mulai tarikh pekeliling ini.

4. Kadar baru yang dibenarkan untuk dipesan daripada pembekal luar (kantin) untuk mesyuarat rasmi Jabatan/Fakulti seperti berikut :-

		Harga Maksima <u>Yang Dibenarkan</u>
1) Jamuan Ringan Pagi	-	RM2.00 seorang
2) Makan Tengahari	-	RM5.00 seorang
3) Jamuan Ringan Petang	-	RM1.50 seorang

5. Sekiranya terpaksa terlibat perbelanjaan melebihi kadar di atas, kelulusan khas perlu diperolehi sebelum bayaran dapat dibuat. Sebelum pesanan dibuat, sila pastikan peruntukan mencukupi.

Terima kasih.

Yang benar,



OMAR BIN AHMAD  
Bendahari, UKM

BERLAMPIR  
EAH:rbb  
pb796(d2).170796

Borang B/10/70

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
Borang Pesanan Jamuan Ringan

Kepada :

Kantin \_\_\_\_\_

Universiti Kebangsaan Malaysia

Sila bekalkan ke \_\_\_\_\_

Nama dan tujuan mesyuarat : \_\_\_\_\_

Tarikh Mesyuarat : \_\_\_\_\_ Masa Mesyuarat : \_\_\_\_\_

**Pesanan**

**(Jenis Makanan & Kuantiti)**

(pastikan mendapat sebutharga sebelum  
dipesan supaya tidak melebihi kadar)

Nama Ahli Mesyuarat

Nama Ahli Mesyuarat	Pesanan (Jenis Makanan & Kuantiti) (pastikan mendapat sebutharga sebelum dipesan supaya tidak melebihi kadar)
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____

Nama penuh Ketua Jabatan/Pegawai  
Tadbir/Jurutrengkas yang meluluskan : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Cop Bahagian/Fakulti : \_\_\_\_\_

Tandatangan yang meluluskan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

(Untuk Kegunaan Kantin)

Tuntutan Pembayaran

Pesanan di atas berjumlah \$ \_\_\_\_\_ (Ringgit : \_\_\_\_\_)

Catatan:

Sila cetak sendiri borang atas kertas warna merah jambu.

